

Jiwa muda, aspirasi tinggi

Mereka yang berjaya mendapat undi paling ramai berpeluang membawa pulang wang tunai RM10,000.

Oleh SUBASHINI RAJANDRA
subashini.rajandra@kosmo.com.my

DIA seorang yang berpandangan jauh dan tidak kedekut berkongsi pengalaman. Tim Fernandez juga merupakan seorang pemuda yang berwawasan dan berkaliber. Pada usia semuda 26 tahun, dia memilih moto Live & Inspire sebagai panduan hidupnya. Menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Empower Lives iaitu sebuah syarikat yang terlibat dalam pembangunan sendiri, penjenamaan semula, perkhidmatan pelanggan dan kepimpinan, Tim telah berkolaborasi dengan banyak syarikat tempatan seperti Maybank, Shell, MISC, Hospital Assunta, Pusat Perubatan Sunway, Sunrise, Synergy, Fuji Xerox, Maxis dan badan-badan bukan kerajaan.

Sementara itu, Michael Teoh, 22, pula merupakan seorang pakar motivasi dan penceramah yang menyuntik semangat dalam diri golongan muda-mudi untuk mencapai matlamat serta impian bergelar usahawan berjaya. Dia juga merupakan salah seorang daripada tujuh belia yang terpilih di bawah kategori *Malaysia's Most Outstanding Youth 2008* oleh Duta Belia Asia. Slogan perjuangannya adalah Building Young Entrepreneurs.

Seorang lagi anak muda, Mohammad Danial yang merupakan seorang yang beraspirasi tinggi untuk membawa komik ciptaannya, Manga ke peringkat antarabangsa. Tidak ketinggalan juga, Jason Ramesh yang memiliki sebuah komuniti atau penggemar permainan bola cat yang terbesar di Malaysia dengan angka penyertaan melebihi 1,000 orang.

Poesy Liang dan Yap Wei Lea pula adalah wanita berjiwa kental yang masing-masing memperjuangkan kerja-kerja sukarelawan dalam bidang bantuan kepada mereka yang memerlukan (Helping Angels) dan menyelamatkan air terjun di Malaysia (Save Our Waterfalls).

Manakala Nur Hamidi Baharuddin bersama rakan seperjuangannya dari Kulim, Kedah



SIDANG media program Kempen freedom2talk.org. memperkenalkan peserta-peserta yang membentangkan idea bagi tujuan kebajikan.

menghampiri visi, Kulim to Kiulu dengan berusaha mendirikan sebuah hostel bagi kanak-kanak di Kiulu, Sabah agar mereka tidak lagi perlu berjalan sejauh tiga kilometer ke sekolah.

Kesemua nama-nama anak muda yang disebutkan itu bukanlah sebarang individu. Biarpun mereka tidak sepopuler selebriti, namun pencapaian mereka dalam bidang masing-masing amat membanggakan. Ternyata mereka ingin mencapai sesuatu impian peribadi atau sosial bagi kebaikan orang lain termasuk memperbaiki kekurangan yang ada pada diri sendiri.

Kini, menariknya mereka dan para peserta baru akan bertanding untuk menjuarai kempen Chief Talker yang dianjurkan oleh Tune Talk, sebuah syarikat kumpulan Tune. Habuannya adalah wang tunai bernilai RM50,000. Jika menang, wang yang dimenangi itu akan disalurkan pada program dan usaha yang diterajui masing-masing.

Ketua Pegawai Eksekutif Tune Talk, Jason Lo berkata, pemilihan dibuat secara demokrasi di mana pengundi akan menjadi penentu muktamad pemenang terakhir. Laman web popular seperti Facebook, MySpace, Friendster dan Twitter kini dipenuhi dengan mesej mempelawa agar lebih ramai orang datang mengundi.

Lagipun, mereka yang berjaya menjemput pengundi yang paling ramai berpeluang membawa pulang wang tunai RM10,000. Tunggu apa lagi, segera ke laman sesawang <http://freedom2talk.org>.



POESY LIANG

TIM FERNANDEZ

NUR HAMIDI

MICHAEL TEOH